

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD YUSOF  
[ ALOR GAJAH ]**

**TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD YUSOF [ ALOR GAJAH ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan adakah kerajaan akan mewujudkan Dasar, Sistem Eko dan Insentif bagi memberi galakan penggunaan kenderaan *zero carbon* dan *air mobility* memandangkan banyak negara-negara telah bergiat aktif di dalam mempromosikan penggunaan kenderaan-kenderaan dengan ciri-ciri tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) bersama Kementerian Pengangkutan telah memuktamadkan Memorandum Jemaah Menteri Mengenai Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon (*Low Carbon Mobility Blueprint – LCMB*). Dokumen ini dirangka selaras dengan Dasar Pengangkutan Negara dan Dasar Automotif Negara (NAP 2020). Secara umumnya, pelan tersebut menggariskan fokus dan strategi bagi penjimatan tenaga dan pengurangan pelepasan gas rumah kaca (*greenhouse gases – GHG*) untuk sektor pengangkutan darat.

2. Salah satu bidang fokus yang diketengahkan di dalam LCMB di bawah mobiliti rendah karbon ialah penggunaan kenderaan elektrik (*Electric Vehicles – EV*) pengangkutan darat merangkumi kereta, bas dan motorsikal elektrik. Strategi dan inisiatif bersesuaian bagi menggalakkan penggunaan EV telah dikenal pasti untuk dilaksanakan secara bersama dengan Kementerian-Kementerian yang terlibat. Tumpuan untuk meningkatkan penggunaan EV akan membuka peluang pelaburan baharu dan mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi dalam bidang teknologi hijau.

3. Kerajaan sedang memperhalusi strategi sedia ada berkenaan pembangunan EV untuk ditambah baik serta mengenal pasti strategi baharu bagi mempromosikan industri EV di Malaysia kepada para pelabur. Strategi ini juga merangkumi penawaran pakej insentif kepada pengguna (*demand side*) yang dijangka dapat menggalakkan lagi pelaburan yang menyokong ekosistem EV di dalam negara. Pakej insentif ini telah dicadangkan kepada MOF untuk pertimbangan bagi Bajet 2022.

Tuan Yang Di-Pertua

4. Untuk makluman Yang Berhormat, *air mobility* merupakan salah satu sektor pengangkutan baharu yang masih diterokai oleh pihak-pihak yang berkepentingan. Menerusi Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), sektor ini dikategorikan di dalam sub-sektor Integrasi Sistem yang melibatkan aktiviti-aktiviti reka bentuk, pembangunan dan integrasi sistem. Di samping itu, tumpuan sedang diberikan dalam membangunkan ekosistem perkhidmatan Dron dan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV).

Sekian, terima kasih.